Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2024, Volume 9, Issue 9, e002971
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i9.2971

REVIEW ARTICLE

Isu Keterjaminan Makanan dalam kalangan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia: Suatu Tinjauan Awal

(Food Security Issues among Orang Asli Community in Peninsular Malaysia: A Preliminary Review)

Nur Afiqah Razali Binti Wan Hassan[1], Muhamad Sayuti Hassan[2*]
Muhammad Faliq Abd Razak[3], Andika Ab Wahab[4]

[1]Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: afiqahnur.razali@gmail.com
[2]Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: sayutihassan@ukm.edu.my
[3]Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: faliqrazak@ukm.my
[4]Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: andikawahab@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Muhamad Sayuti Hassan
(sayutihassan@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Jaminan makanan
Hak tanah adat
Orang Asli
Orang asal
Permodenan
Hak asasi manusia
Undang-undang

KEYWORDS:
Food security
Customary land rights
Orang Asli
Indigenous people
Modernization
Human rights
Law

CITATION:
Nur Afiqah Razali Wan Hassan et al. (2024). Isu Keterjaminan Makanan dalam kalangan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis isu keterjaminan makanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Walaupun Malaysia telah menerima pakai Deklarasi PBB mengenai Hak Penduduk Orang Asal, masyarakat Orang Asli masih dibelenggu pelbagai isu termasuklah isu kemiskinan, kesihatan, dan pengiktirafan hak tanah. Objektif penulisan ini adalah mengenal pasti jurang berhubung isu keterjaminan makanan masyarakat Orang Asli seterusnya memahami kesan yang mempengaruhi keterjaminan makanan serta memberikan cadangan untuk intervensi yang berkesan. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif. Dari segi pengumpulan data, pendekatan ini melibatkan carian komprehensif terhadap artikel ilmiah dan dokumen rasmi yang relevan. Kemudian, data dianalisis secara tematik. Berdasarkan analisis yang dijalankan, artikel ini mendedahkan bahawa isu utama keterjaminan makanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli ialah kemiskinan, isu kesihatan, isu pendidikan,dan infrastruktur asas serta isu pengiktirafan tanah Orang Asli. Selain itu, isu pengiktirafan tanah adat dan pencerobohan boleh menjejaskan sumber pencarian rezeki secara tradisional mereka. Kesimpulannya, isu keterjaminan makanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli memerlukan perhatian segera melalui program bantuan yang lebih berkesan. Usaha-usaha daripada pihak-pihak berwajib adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysia: Suatu Tinjauan Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9*(9), e002971. https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i9.2971

dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

ABSTRACT

This article analyzes the factors of food security among the Orang Asli community in Peninsular Malaysia. Although Malaysia has adopted the UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples, the Orang Asli community is still plagued by various issues including issues of poverty, health, and the recognition of land rights. The objective of this writing is to identify the gaps in relation to the factors of food insecurity of the Orang Asli community and further understand the issues that affect food security and provide recommendations for effective interventions. The research methodology uses a qualitative approach. In terms of data collection, this approach involves a comprehensive search of relevant scientific articles and official documents. Then, the data was analyzed thematically. Based on the analysis carried out, this article reveals that the main cause of food insecurity among the Orang Asli community is still great poverty, health issues, education issues and basic infrastructure and land rights issues. In addition, the issue of customary land recognition and encroachment can affect their traditional source of livelihood. In conclusion, the issue of food security among the Orang Asli community needs immediate attention through a more effective aid program. The efforts of the authorities are very important to improve the quality of life and well-being of the Orang Asli community in Peninsular Malaysia.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada untuk menganalisis isu keterjaminan makanan Orang Asli Semenanjung Malaysia. Sumbangan utama kajian ini mengenal pasti jurang dalam penyelidikan yang sedia ada mengenai faktor sosial, ekonomi dan budaya melalui tinjauan literatur yang komprehensif. Dokumen kajian ini juga memberikan cadangan penyelesaian untuk mengatasi isu keterjaminan makanan.

1. Pengenalan

Ancaman keterjaminan makanan masih menjadi isu dalam kalangan orang asal di Asia Tenggara dengan pelbagai faktor yang mempengaruhi keupayaan rantau ini untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi dan stabil. Kesan perubahan iklim, seperti peningkatan suhu dan perubahan pola kekeringan, menimbulkan cabaran kepada amalan pertanian (Anderson et al., 2020). Selain itu, pandemik COVID-19 telah menjejaskan pengeluaran pertanian di rantau ini, yang membawa kepada pengurangan dalam pengeluaran dan menjejaskan masyarakat yang bergantung pada pertanian untuk mata pencarian mereka (Gregorio & Ancog, 2020). Orang Asli di Semenanjung Malaysia juga berdepan dengan isu keterjaminan makanan juga berlaku kepada.

Sebagai maklumat latar belakang, Orang Asli ialah kumpulan etnik unik yang berkongsi ciri yang sama dan mendiami tanah nenek moyang mereka, mengekalkan entiti budaya, sosial, ekonomi dan politik mereka. Di Malaysia, komuniti ini mewakili kira-kira 0.6% daripada jumlah penduduk negara, mewakili 31.7 juta (Jabatan Kemajuan Orang Asli,

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2023). Orang Asli di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada tiga suku utama iaitu Senoi, Proto-Melayu, dan Negrito, masing-masing mempunyai kumpulan 18 sub-etnik tersendiri yang tinggal di sembilan buah negeri di Semenanjung Malaysia. Menurut kajian daripada Bala (2024), kebanyakan kumpulan Negrito dan sebahagian besar Semai-Senoi, tinggal di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu, manakala Melayu Proto tertumpu di bahagian tengah dan selatan Semenanjung.

Uniknya, Orang Asli mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang ekosistem hutan juga tumbuhan, haiwan, dan sumber sedia ada (Bala, 2024). Ilmu ini telah diwarisi turun temurun, membentuk budaya dan cara hidup mereka. Sehingga Disember 2023, populasi Orang Asli Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 215,215 (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2023). Secara tradisinya, kebanyakan Orang Asli adalah tinggal Menurut Gomes dan Anthony (1993), kehidupan seharian mereka bergantung kepada aktiviti pertanian, menoreh getah, haiwan buruan dan ikan untuk makanan. Mereka juga mengumpul sumber hutan seperti rotan, kayu gaharu, dan herba ubatan, menggunakan beberapa untuk tujuan tradisional dan menjual yang lain.

Maklumat latar belakang ini adalah penting bagi memahami konteks seterusnya mencapai objektif artikel ini iaitu untuk menganalisis isu keterjaminan makanan dalam masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

1.1. Permasalah Kajian

Menurut laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (2010), walaupun Malaysia menerima pakai Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Penduduk Orang Asal pada tahun 2007, penduduk Orang Asli masih berdepan dengan isu pengiktirafan hak secara menyeluruh dan kemiskinan. Berdasarkan kepada Astroawani (2021), masyarakat Orang Asli masih lagi berdepan dengan isu kemiskinan dan ketinggalan dari segi pembangunan sosio ekonomi. Masyarakat Orang Asli juga dikenal pasti antara penduduk yang terkesan dengan isu keterjaminan makanan kerana akses kemudahan asas yang terhad dan ramai dalam kalangan Orang Asli yang hidup di bawah paras kemiskinan (Omar & Fizer, 2015). Justeru, artikel ini meninjau dan menganalisis isu keterjaminan makanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

1.2. Objektif Kajian

Objektif utama artikel ini adalah meninjau dan menganalisis isu keterjaminan makanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, seterusnya memahami kesan-kesannya yang mempengaruhi keterjaminan makanan serta memberikan cadangan untuk penyelesaian yang berkesan.

2. Metod Kajian

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis isu yang dihadapi berkaitan ancaman keterjaminan makanan kepada masyarakat Orang Asli di Malaysia melalui penelitian sumber data sekunder, termasuk literatur akademik dan laporan kerajaan. Metodologi kajian untuk penulisan artikel ini tertumpu kepada tinjauan literatur yang bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis penyelidikan sedia ada dan laporan kerajaan berkaitan keterjaminan makanan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Kaedah ini melibatkan carian dan semakan komprehensif artikel ilmiah,

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

laporan kerajaan, dan dokumen berkaitan daripada sumber yang mempunyai reputasi baik seperti pangkalan data akademik, laman web rasmi, dan kertas penyelidikan yang diterbitkan. Pendekatan ini membolehkan pemeriksaan mendalam tentang isu yang memberi kesan kepada keterjaminan makanan dalam kalangan Orang Asli, termasuk dimensi sosial, ekonomi dan budaya. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk meninjau dan menganalisis jurang berhubung isu yang memberi ancaman keterjaminan makanan dalam masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

3. Hasil Kajian

3.1. Isu Yang Dihadapi dan Kesan-Kesannya Terhadap Keterjaminan Makanan Kepada Masyarakat Orang Asli di Malaysia

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada isu keterjaminan makanan Orang Asli. Namun begitu, artikel ini hanya memfokuskan kepada beberapa isu sahaja untuk menjadikan perbincangan lebih terarah dan berfokus seperti yang dibincangkan dalam bahagian ini.

3.1.1. Isu Kemiskinan

Menurut Prime Minister's Office of Malaysia (n.d.) setelah kemerdekaan, Malaysia telah berusaha secara proaktif untuk memperbaiki status sosioekonomi negara dan semua lapisan masyarakatnya. Dalam usaha untuk mengurangkan dan menghapuskan kemiskinan, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk. Walau bagaimanapun, penyelidikan tentang kehidupan Orang Asli menunjukkan situasi ekonomi yang tidak memuaskan. Ini disebabkan oleh kemiskinan yang masih melanda kebanyakan Orang Asli di negara ini (Omar & Fizer, 2015). Seperti yang dijelaskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), insiden kemiskinan dalam kalangan Orang Asli masih tinggi iaitu berada di paras 33.6 peratus (Choy et al., 2010). Contohnya, sebanyak 63.6% orang yang tinggal di kawasan itu memperoleh pendapatan hanya antara RM201 dan RM400 (Choy et al., 2010). Selain itu, kajian oleh Yusoff et al. (2019) mendapati hampir 97.0% Orang Asli di Air Banun masih berada di bawah paras kemiskinan, dengan sebahagian daripada mereka memperoleh pendapatan kurang daripada RM400 sebulan dan purata pendapatan ketua isi rumah (KIR) ialah hanya RM269 sebulan.

Selain aktiviti di hutan, sebilangan Orang Asli menjalankan beberapa aktiviti ekonomi berkenaan dengan pelbagai zon geografi mereka. Misalnya Orang Asli seperti Orang Laut, Orang Seletar di Kampung Bakar Batu, Johor yang tinggal di kawasan pantai, bergantung kepada sumber laut untuk kelangsungan hidup mereka seharian. Majoriti mereka bekerja sebagai nelayan, menangkap ikan untuk makanan, mengumpul cengkeran dan siput (Syamil Imran et al., 2024). Tradisi dan budaya mereka juga dipengaruhi oleh hubungan mereka dengan laut. Ini adalah sebahagian daripada warisan dan identiti unik mereka. Mereka juga dianggap sebagai Orang Laut kerana mereka menetap di kawasan penempatan yang berdekatan dengan pantai,

Menurut Gomes dan Anthony (1993), komuniti Orang Asli yang tinggal di hutan memburu sumber hutan seperti damar, rotan, durian, petai dan sebagainya untuk menjana pendapatan. Namun, harga pasaran dan hasil tuaian yang berubah-ubah telah mempengaruhi pendapatan mereka. Bagi Orang Asli dari suku Mah Meri telah beralih ke industri pelancongan dan mencari rezeki melalui kampung budaya mereka, membuat

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

persembahan dan menjual kraf tangan. Walau bagaimanapun, wabak dan pandemik telah mengakibatkan kehilangan pendapatan. Kedudukan ini pastinya boleh memberi kesan kepada keterjaminan makanan kepada masyarakat Orang Asli.

Tambahan itu, salah satu punca perkahwinan kanak-kanak ialah disebabkan oleh isu kemiskinan. Ibu bapa mencari solusi kepada jaminan ekonomi dengan mengahwinkan anak-anak mereka untuk mengurangkan tekanan kewangan sekali gus dapat mengurangkan ketidakcukupan makanan dan kemiskinan dalam sebuah isi keluarga (Jain et al., 2011). Kemiskinan juga mempengaruhi akses kepada sumber makanan, yang boleh membawa kepada isu jaminan makanan. Terdapat kebimbangan bahawa wanita dan kanak-kanak Orang Asli juga terdedah kepada risiko keganasan rumah tangga dan gangguan seksual akibat masalah kewangan (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia [SUHAKAM], 2021). Pakar ekonomi, iaitu Madeline Berma menyatakan bahawa kes kahwin muda yang sering kali berlaku melibatkan golongan miskin pedalaman menunjukkan betapa pentingnya ekonomi yang seimbang dalam menjaga dan menguruskan sesebuah keluarga (Noorazam, 2018). Kedudukan seperti ini mungkin boleh berlaku kepada Orang Asli sekiranya insiden kemiskinan tidak ditangani.

Selain Orang Asli di Semenanjung Malaysia, isu ekonomi dan kemiskinan yang terkait dengan cabaran keterjaminan makanan dalam kalangan orang asal juga berlaku di luar negara. Contohnya, komuniti orang asal di Kanada berdepan dengan cabaran kewangan dan kelemahan ekonomi telah mengehadkan akses kepada makanan yang sihat dan berkhasiat. Tinjauan yang dijalankan di Yukon First Nations, Dene/Métis, dan wanita Inuit yang tinggal di 44 komuniti di seluruh Artik Kanada menunjukkan variasi serantau yang besar iaitu antara 40% hingga 70% dalam keupayaan untuk membeli makanan yang mencukupi (Lambden et al., 2006). Antara contoh lain pula, komuniti Kahnawake di Quebec, Kanada melaporkan mengalami masalah makanan yang tidak mencukupi dan berdepan dengan masalah sumber pendapatan yang terhad dan pencari nafkah yang boleh dipercayai (Delormier et al., 2017). Seterusnya, majoriti wanita hamil yang tinggal di komuniti orang asal terpencil di Haida Gwaii yang terletak di British Columbia juga turut menyatakan cabaran kewangan telah menjejaskan keupayaan mereka untuk mengakses makanan berkhasiat semasa kehamilan (Greenwood & Kornelsen, 2024). Justeru, isu ekonomi yang terkait dengan ancaman jaminan makanan adalah turut berlaku kepada komuniti orang asal di luar negara sama seperti Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Rumusannya, isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia merupakan satu masalah yang serius dan memerlukan perhatian daripada semua pihak. Walaupun Malaysia telah mencapai banyak kemajuan sejak kemerdekaan, namun masih terdapat sebahagian besar masyarakat Orang Asli yang terbelenggu oleh masalah kemiskinan. Kekurangan ini memberi kesan kepada produktiviti dan potensi ekonomi mereka. Oleh itu, pendekatan proaktif harus diambil untuk mengatasi masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Ini termasuk melaksanakan program pembangunan yang berkesan dan meningkatkan kesedaran tentang risiko dan kesan negatif kemiskinan.

3.1.2. Isu Kesihatan Dan Kesejahteraan Komuniti

Aspek kesihatan dan kesejahteraan merupakan perkara yang mustahak untuk ditinjau berhubung perbincangan mengenai isu keterjaminan makanan Orang Asli. Hal ini adalah kerana aspek kesihatan dan kesejahteraan merupakan kesan apabila keterjaminan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

makanan tidak diuruskan dengan baik. Contohnya, tahap kekurangan zat makanan yang agak tinggi dilaporkan dalam masyarakat Orang Asli. Ini disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi untuk mengekalkan pemakanan yang sihat dan seimbang. Kanak-kanak Orang Asli mengalami kekurangan zat makanan antara 30-60%, lebih tinggi daripada purata kebangsaan iaitu 7.5% dan 0.6% kanak-kanak mengalami kekurangan zat makanan (Singh, 2019).

Selain itu, menurut kajian daripada Idrus (2010), purata jangka hayat bagi masyarakat Orang Asli adalah 53 tahun berbanding dengan purata kebangsaan iaitu 73 tahun . Menurut kajian Masron et al. (2012), peratusan kematian bayi masyarakat Orang Asli ialah 51.7% dalam 1,000 kelahiran dan sebahagian besar kanak-kanak ini meninggal dunia sebelum mencapai usia lima tahun. Ini adalah akibat daripada kedudukan kampung mereka yang jauh di pedalaman menyukarkan mereka untuk mendapatkan akses kepada jalan raya dan juga kemudahan kesihatan asas. Kekurangan zat makanan dan kemiskinan menyebabkan Orang Asli terdedah kepada penyakit. Kajian dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia juga mendapati lebih satu pertiga daripada Orang Asli hidup dalam kemiskinan dan mengalami masalah kekurangan makanan isi rumah yang telah mengakibatkan kekurangan zat makanan dan kekurangan tenaga kronik di kalangan wanita (Zalilah, 2002).

Di samping itu, satu kajian yang dijalankan oleh Phua (2015) menunjukkan keterjaminan makanan dan diet tidak sihat menyebabkan masalah kesihatan seperti kekurangan zat makanan dalam masyarakat Orang Asli. Kajian ini turut mendapati penyakit parasit seperti malaria, mikrosporida dan cryptosporidium mudah dijangkiti oleh Orang Asli kerana masalah kekurangan zat makanan. Satu kajian oleh Zalilah (2002) menunjukkan komuniti Orang Asli juga cenderung untuk dijangkiti penyakit seperti parasit, malaria, batuk kering, kusta, filariasis, pernafasan dan masalah kulit sehingga menyebabkan sebilangan besar dirawat di Hospital Gombak.

Menurut kajian daripada Foon (2018), pada tahun 2015, 92% penduduk Malaysia dilaporkan mempunyai akses kepada air yang diurus dengan selamat dan 82% kepada sanitasi yang diurus dengan selamat. Walau bagaimanapun, statistik ini tidak menggambarkan kekurangan keperluan air paip, tandas yang betul dan elektrik di kediaman masyarakat orang asli. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, 53% masyarakat Orang Asli mempunyai akses kepada air paip (Ramarama, 2020). Dilaporkan Orang Asli suku Jakun di Kampung Permatang Pauh, Nenasi tiada bekalan air sejak 50 tahun lalu kerana ketiadaan sungai dan sepenuhnya bergantung kepada mata air yang dikorek sendiri (BERNAMA Radio, 2024). Namun bekalan juga terjejas pada musim kemarau dan kekurangan sumber air telah menyebabkan tanaman mereka terjejas dan masalah kesihatan seperti cirit birit kerana bekalan air yang sedia ada tidak bersih dan bercampur tanah (BERNAMA Radio, 2024). Masyarakat Orang Asli di Kampung Denai, Rompin antara yang menghadapi isu ketersediaan air bersih yang terhad. Permasalahan air kurang bersih dan berkeladak ini akan meningkatkan risiko penyakit bawaan air serta memburukkan lagi kesihatan mereka (BERNAMA, 2022).

Tambahan pula, infrastruktur yang tidak mencukupi dan akses terhad kepada perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan merupakan masalah berterusan yang dihadapi oleh masyarakat. Orang Asli di Malaysia sering tinggal di kawasan terpencil, jauh dari sekolah dan kemudahan perubatan. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (2023), melaporkan bahawa 1.38 peratus perkampungan Orang Asli terletak di bandar, manakala 31.7 peratus terletak di pedalaman dan majoriti besar sebanyak 61.45

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

peratus tinggal di pinggir bandar. Perjalanan pelajar Orang Asli ke sekolah juga menjadi lebih sukar kerana perkhidmatan pengangkutan awam tidak berfungsi di kawasan pedalaman. Situasi ini boleh memberi kesan kepada aksesibiliti pelajar Orang Asli kepada pendidikan. Sebilangan kanak-kanak Orang Asli tidak hadir ke sekolah. Lebih 50% tercicir dari sekolah rendah. Hanya 30% daripada mereka yang menamatkan pendidikan menengah. Sebahagian kecil sahaja yang mencapai pendidikan tinggi (Amar, 2019). Mereka menghadapi kesukaran untuk mengakses perkhidmatan penting ini disebabkan oleh halangan geografi dan kekurangan infrastruktur pengangkutan. Tambahan pula, perhubungan jalan ke sekolah yang terdekat adalah tidak mencukupi. Menurut SUHAKAM (2010), bas memakan masa perjalanan yang lama kerana pengangkutan ini perlu mengambil pelajar yang ramai. Laporan oleh Baharon et al. (2021) menjelaskan bahawa penyediaan kemudahan pendidikan dan penjagaan kesihatan yang terhad memberi kesan kepada pembangunan dan kesejahteraan keseluruhan masyarakat Orang Asli.

Isu kesihatan berkaitan dengan isu ancaman jaminan makanan orang asal turut berlaku kepada komuniti orang asal di luar negara. Menurut Jaleel et al. (2023), kanak-kanak orang asal di Kerala mengalami masalah pertumbuhan terbantut yang lebih tinggi (33.2%) berbanding komuniti yang bukan dari suku mereka (23.4%). Antara tahun 2012 dan 2021, populasi suku kaum orang asal di Attappadi mencatatkan kadar jumlah kematian yang agak tinggi iaitu dengan 136 kematian neonatal/bayi (Jaleel et al., 2023). Angka ini membimbangkan kerana Kerala lazimnya mempunyai kadar kematian neonatal dan bayi yang paling rendah (6 setiap 1000 kelahiran hidup) di seluruh negara (Jaleel et al., 2023). Justeru, isu pemakanan dan jaminan makanan dalam kalangan orang asal haruslah diberi perhatian dan merupakan masalah yang hampir serupa di tempat lain.

Secara keseluruhannya, akses kepada makanan berkhasiat yang terhad, infrastruktur yang tidak mencukupi, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang terhad telah menyebabkan kadar kekurangan zat makanan dalam kalangan Orang Asli. Faktor geografi dan kekurangan infrastruktur pengangkutan juga turut memburukkan lagi keadaan dengan menyebabkan kesukaran untuk perjalanan ke sekolah atau pusat kesihatan. Isu ini seterusnya menyumbang kepada kadar keciciran dari sekolah dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli. Oleh itu, usaha daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat secara keseluruhannya diperlukan bagi menangani situasi ini. Program intervensi menyeluruh yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada makanan seimbang, menambah baik infrastruktur serta menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pendidikan yang lebih baik adalah langkah penting yang mesti diambil untuk memastikan kesejahteraan dan keterjaminan makanan kepada masyarakat Orang Asli.

3.1.3. Pengiktirafan Tanah Orang Asli

Isu pengiktirafan tanah adat Orang Asli bukanlah isu yang baharu. Terdapat pelbagai tuntutan kes mahkamah yang dibawa oleh Orang Asli berkaitan pertikaian tanah, seperti *Adong Bin Kuwau & Ors lwn Johor & Anor, Mlj 418 [1997], Sagong bin Tasi lwn Kerajaan Negeri Selangor [2002] 2 MLJ, Mohamad bin Nohing* (Batin Kampung Bukit Rok) *& Ors lwn Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang & Ors [2013] MLJU dan banyak lagi.* Bahkan pelbagai kajian telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak. Contohnya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah menerbitkan Laporan Inkuiri Hak Tanah Orang Asal/Asli Di Malaysia pada tahun 2013 dengan mengemukakan cadangan bagi

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengiktiraf hak tanah Orang Asli di Malaysia. Bahkan pada tahun 2018, kerajaan telah mengeluarkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan yang menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengiktiraf hak tanah adat Orang Asli. Namun, isu berkenaan dengan pengiktirafan tanah Orang Asli masih berpanjangan.

Menurut kajian Serji (2018), dari perspektif sejarah, apabila sistem Torrens diperkenalkan pada zaman kolonial British, keadaan menjadi lebih rumit. Menurut Sistem Torrens, adalah penting untuk mendaftarkan tuntutan hak pemilikan tanah. Disebabkan masyarakat Orang Asli tidak mempunyai pendaftaran hak milik terhadap tanah adat mereka, mereka dilindungi di bawah Akta Orang Asli 154, yang tidak membenarkan mana-mana pihak mengambil tanah adat mereka. Walau bagaimanapun, Abidin dan Wee (2013) menyatakan bahawa masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang yang menunjukkan masyarakat Orang Asli terus menghadapi masalah dalam aspek kepemilikan tanah adat.

Anne Nuorgam, Pengerusi Forum Tetap PBB mengenai Isu Orang Asal turut menyatakan berlakunya peningkatan dalam kes pencerobohan ke atas tanah dan wilayah orang asal semasa pandemik COVID-19 di kebanyakan negara, "*Punca konflik adalah banyak, daripada pengekstrakan sumber, pembalakan, tanah untuk sumber tenaga pembaharuan dan perniagaan tani kepada konflik antara penggembala orang asli, penggembala nomad dan petani mengenai pengecutan tanah ragut akibat perang, dan kesan perubahan iklim serta penubuhan kawasan pemuliharaan*", katanya dalam satu kenyataan yang dibacakan pada majlis pelancaran itu (United Nations, 2021). Walaupun wujud sokongan undang-undang, namun hak orang asal ke atas tanah, wilayah dan sumber kekal terhad. Dalam konteks Orang Asli, keadaan alam sekitar juga turut terjejas kerana sebahagian hutan yang ditebang berhampiran Kampung Kelaik Gua Musang, Kelantan. Pencemaran air dan kehilangan habitat haiwan liar telah menyebabkan keadaan menjadi merosot. Masyarakat Orang Asli Temiar di kawasan itu juga terjejas disebabkan oleh aktiviti seperti pembalakan, perladangan dan perlombongan tersebut (Yap, & Wong, 2022).

Pengiktirafan tanah kepada Orang Asli sangat penting kerana aktiviti ekonomi mereka berkait rapat dengan tanah. Contohnya, mata pencarian komuniti Orang Asli di Malaysia bergantung pada aktiviti mencari makanan, memburu, dan pertanian berskala kecil seperti jagung, ubi kayu, ubi keledek dan pelbagai jenis sayuran untuk mengurangkan kos makanan. Bagi komuniti Orang Asli suku Semai pula lebih cenderung untuk mendapatkan hasil hutan seperti petai, durian, rotan dan sebagainya. Kemudahan asas ini penting untuk mengekalkan kesihatan yang baik dan boleh memberi kesan ketara kepada jaminan makanan mereka. Sebuah kajian yang dijalankan oleh Ramle (1993) mendapati bahawa cara hidup Orang Asli dianggap "primitif", kerana mereka mengamalkan ekonomi yang berorientasikan "cukup hidup" dan jauh daripada ekonomi pasaran. Dalam apa juga aktiviti yang mereka lakukan, mereka menggunakan pendekatan tradisional.

Menurut Ali Golam Hassan et al. (2020), semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), akibat krisis COVID-19, majoriti Orang Asli berdepan dengan masalah kekurangan bekalan makanan dan terpaksa bergantung kepada bantuan makanan sementara kerana kehilangan separuh sehingga 50-70% daripada pendapatan mereka. Menurut Idrus et al. (2021) walaupun mereka dapat bergantung kepada sumber dan hasil daripada pertanian untuk jaminan makanan, namun pada era pandemik tersebut, mereka juga menghadapi cabaran yang menjejaskan cara hidup tradisional mereka. Mereka telah mengalami perpindahan tanah dan kemusnahan alam sekitar yang berterusan.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Akibatnya, Orang Asli telah mengalami penurunan hasil pertanian, yang seterusnya mengurangkan keterjaminan makanan mereka.

4. Perbincangan

Hasil kajian dan perbincangan menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kemiskinan, akses yang terhad kepada sumber makanan, isu kesihatan dan pengiktirafan tanah. Terdapat beberapa rumusan dapatan yang boleh dipelajari dalam tinjauan awal jaminan makanan dalam kalangan Orang Asli.

Isu keterjaminan makanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor utama. Tidak dinafikan terdapat pelbagai faktor lain yang menyumbang kepada isu keterjaminan makanan Orang Asli.

Kemiskinan telah dikenal pasti sebagai faktor yang menyumbang kepada ancaman keterjaminan makanan dalam kalangan Orang Asli. Isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli telah menunjukkan bahawa sebahagian besarnya masih hidup di bawah garis kemiskinan. Kemiskinan yang dibelenggu oleh Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini adalah disebabkan oleh situasi ekonomi dan kualiti hidup mereka yang masih memerlukan penambahbaikan. Hal ini sekali gus memberi ancaman keterjaminan makanan mereka. Kemiskinan juga boleh menyumbang kepada masalah sosial lain seperti perkahwinan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga.

Aspek kesihatan juga adalah antara perkara penting yang terkait dengan isu jaminan makanan Orang Asli. Isu kesihatan, terutamanya berpunca daripada kekurangan zat makanan dan penyakit juga dilaporkan dalam pelbagai kajian dan jumlah bilangan individu berpenyakit pada sesuatu masa dan kawasan menunjukkan peratusan yang tinggi dalam kalangan Orang Asli berbanding purata kebangsaan. Tambahan pula, isu seperti ini juga berkait dengan isu kadar keciciran pelajaran dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli.

Berikutan masalah kesihatan, jangka hayat mereka adalah lebih pendek berbanding dengan purata jangka hayat kebangsaan. Isu malnutrisi juga adalah antara masalah yang serius dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli, dengan prevalens yang lebih tinggi daripada purata kebangsaan. Hal ini mungkin disebabkan oleh kedudukan kawasan tempat tinggal mereka yang jauh di pedalaman, telah menyukarkan mereka kepada akses jalan raya dan kesihatan asas. Di samping itu, kekurangan air bersih, akses kepada makanan berkhasiat dan kemudahan sanitasi yang terhad dalam kalangan komuniti juga menyebabkan risiko penyakit dan isu-isu kesihatan lain yang serius.

Isu infrastruktur, pengangkutan dan jalan yang memberi cabaran kepada perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan juga merupakan masalah berterusan yang dihadapi oleh Orang Asli. Hal ini wajar ditangani segera kerana ia mempunyai kesan secara tidak langsung kepada isu keterjaminan makanan mereka.

Selain itu, isu pengiktirafan hak tanah juga menjadi kebimbangan dalam kalangan Orang Asli. Kajian lalu juga mendedahkan contoh isu pengiktirafan tanah memberi kesan kepada sumber ekonomi, pencarian tradisional dan akses kepada sumber makanan Orang Asli. Apatah lagi, isu pengiktirafan tanah yang tidak menyeluruh dan kelemahan undang-undang menjadi cabaran kepada masyarakat Orang Asli. Keadaan ini

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menunjukkan bahawa hak Orang Asli dalam isu berkenaan pengiktirafan tanah adat masih terhad dan perlu diiktiraf sepenuhnya.

Tinjauan ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk pendekatan yang komprehensif dalam menangani isu-isu ini. Ini termasuk peningkatan akses kepada sumber makanan, pendidikan dan kesihatan, serta peningkatan peluang ekonomi untuk masyarakat Orang Asli. Hasil dapatan ini juga dapat membantu dalam merancang dan melaksanakan dasar dan program yang lebih berkesan untuk meningkatkan jaminan makanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, isu keterjaminan makanan dalam kalangan Orang Asli dan kesan yang dihadapi ini merupakan perkara mustahak yang perlu diberikan perhatian dan tindakan segera. Pihak yang berwajib perlu menangani perkara ini untuk menjamin dan memastikan kestabilan kepada akses makanan berkhasiat dan selamat bagi Orang Asli, dengan demikian dapat menjaga kesejahteraan dalam kehidupan seharian mereka. Langkah-langkah yang perlu diambil termasuk pengukuhan program bantuan makanan yang lebih menyeluruh dan berkesan, perlindungan hak tanah adat melalui pengiktirafan dan penguatkuasaan undang-undang, serta peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti air bersih dan perkhidmatan kesihatan. Aspek pendidikan juga perlu diberikan perhatian khusus, dengan inisiatif untuk mengurangkan kadar keciciran dan meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli. Dengan pendidikan yang lebih baik, generasi muda Orang Asli boleh mempunyai peluang yang lebih cerah untuk keluar dari kitaran kemiskinan dan menyumbang kepada pembangunan komuniti mereka sendiri. Tambahan itu, pembangunan ekonomi yang inklusif harus diutamakan, dengan memberi peluang kepada komuniti Orang Asli untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi yang mampan dan menguntungkan. Ini termasuk menyediakan latihan kemahiran, akses kepada modal, dan sokongan untuk memulakan perniagaan kecil. Dengan pendekatan yang holistik dan bersepadu, keterjaminan makanan bagi komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia boleh dicapai, seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan mereka secara menyeluruh.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan menyumbang kepada kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini adalah sebahagian daripada dapatan penyelidikan yang didana oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2022-063). Sebahagian daripada dapatan ini juga telah dibentangkan dalam Seminar on Law & Society (SOLAS) VII) di Universiti Utara Malaysia, Kedah pada Mei 2024 yang didana oleh geran yang sama.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penyediaan dan penerbitan manuskrip ini.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Abidin Z. Z. Z & Wee S. T. (2013). Isu konflik tanah adat bagi Orang Asli di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4 UPSI, hlm. 577-563*.

Ali Golam Hassan, A., Loganathan, N., Mahjom, M., Asiah Muhamad, N., Mohamed, A., & Alwi, J. (2020). Impak COVID-19 Ke Atas Status Sosioekonomi dan Kesihatan Masyarakat Orang Asli. *ResearchGate*, 74. https://doi.org/10.13140/RG.2.2.23723.87842

Amar, S. (2019). Challenges in Education among Orang Asli Children. *Malaysian Education Journal, 7*(2), 89-104.

Anderson, R., Bayer, P., & Edwards, D. (2020). Climate change and the need for agricultural adaptation. *Current Opinion in Plant Biology*, 56, 197-202. https://doi.org/10.1016/j.pbi.2019.12.006

Astroawani. (2021, July 23). RMK-12: Kesejahteraan masyarakat Orang Asli dipertingkat*. Astroawani.com*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rmk12-kesejahteraan-masyarakat-orang-asli-dipertingkat-mustapa-309938

Baharon, N. et al. (2021). Access to Education and Healthcare Services among Orang Asli Communities in Malaysia. *Journal of Indigenous Health, 12*(1), *56-78.*

Bala, P. (2024). Understanding the Intricacies of Food Security Among the Orang Asli Community in Malaysia. *Journal of Indigenous Studies, 8*(2), *45-67.*

BERNAMA Radio. (2024, June 20). *Inisiatif NGO Bantu Orang Asli di Pekan Nikmati Bekalan Air Bersih.* Dicapai dari https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2309634

BERNAMA. (2022, November 30). *DUN Tioman: Masyarakat Orang Asli harap masalah air diselesaikan.* Harian Metro; New Straits Times. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/11/909842/dun-tioman-masyarakat-orang-asli-harap-masalah-air-diselesaikan

Choy, E. A., Ariffin, Z. C. M. & Pereira, J. J. (2010). Sosioekonomi masyarakat orang asli: Kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu,* 5, *295-314.*

Delormier, T., Horn-Miller, K., McComber, A. M., & Marquis, K. (2017). Reclaiming food security in the Mohawk community of Kahnawà:ke through Haudenosaunee responsibilities. *Maternal & Child Nutrition, 13*(3), e12556. https://doi.org/10.1111/mcn.12556

Foon, F, L. (2018, December 2). Water for all. *The Star.* https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/12/02/water-for-all-access-to-safe-drinking-water-and-sanitation-is-a-basic-human-right-and-the-marginalis/#:~:text=Access%20to%20safe%20drinking%20water%20and%20sanitation%20is%20a%20basic

Gomes. A. G & Anthony, W.H. (1993). Masyarakat Senai di Perak: Satu Tinjauan Etnografi. Dlm Hood Salleh, Kamaruddin M. Said dan Awang Hasmadi Mois (pnyt). *Mereka yang terpinggir: Masyarakat Terasing Indonesia dan Orang Asli di Malaysia*; hlm 91-96. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Greenwood, S., & Kornelsen, J. (2024). The Experiences of Pregnant Women Accessing Food in Remote Aboriginal Communities on Haida Gwaii. *Canadian Journal of Midwifery Research and Practice, 13*(1), 8–14. https://doi.org/10.22374/cjmrp.v13i1.86

Gregorio, G., & Ancog, R. (2020). Assessing the impact of the covid-19 pandemic on agricultural production in southeast asia: toward transformative change in

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

agricultural food system. *Asian Journal of Agriculture and Development, 17*(1), 1-14. https://doi.org/10.37801/ajad2020.17.1.1

Idrus, R. (2010). From Wards to Citizens: Indigenous Rights and Citizenship in Malaysia. *PoLAR: Political and Legal Anthropology Review, 33*(1), 89–108. https://doi.org/10.1111/j.1555-2934.2010.01094.x

Idrus, R., Man, Z., Williams-Hunt, A., & Chopil, T. Y. (2021). Indigenous resilience and the COVID-19 response: a situation report on the Orang Asli in Peninsular Malaysia. *AlterNative: An International Journal of Indigenous Peoples*, *17*(3), 117718012110387. https://doi.org/10.1177/11771801211038723

Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2023). *Jadual Taburan Etnik Orang Asli Mengikut Negeri.* Retrieved from https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/jadual-taburan-etnik-orang-asli-mengikut-negeri/

Jain, G., Bisen, V., Singh, S. K., & Jain, P. (2011). Early marriage of girls as a barrier to their education. *International Journal of Advanced Engineering Technology, 2*(3), 193-198.

Jaleel, A., Arlappa, N., Ramakrishna, K. S., Sunu, P. V., Jayalakshmi, G., Neeraja, G., Narasimhulu, D., Kumar, T. S., & Kumar, S. B. (2023). Examining the Triple Burden of Malnutrition: Insights from a Community-Based Comprehensive Nutrition Survey among Indigenous Tribal Children (0–19 Years) in the Western Ghats Hills of India. *Nutrients*, *15*(18), 3995. https://doi.org/10.3390/nu15183995

Lambden, J., Receveur, O., Marshall, J., & Kuhnlein, H. (2006). Traditional and market food access in Arctic Canada is affected by economic factors. *International Journal of Circumpolar Health, 65*(4), 331–340. https://doi.org/10.3402/ijch.v65i4.18117

Masron, T., Masami, F., & Ismail, N. (2012). Orang Asli in Peninsular Malaysia: population, spatial distribution and socio-economic condition. *ResearchGate*, 115. https://www.researchgate.net/publication/286193594_Orang_Asli_in_Peninsular_Malaysia_population_spatial_distribution_and_socio-economic_condition

Noorazam, N. (2018, 13 Julai). Kahwin kanak-kanak: Pendidikan, pembangunan sosial kunci penyelesaian. *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kahwin-kanakkanak-pendidikan-pembangunansosial-kunci-penyelesaian-180196

Omar, M., & Nor. (2015). Kelestarian Hidup Ekonomi Komuniti Orang Kanaq dan Orang Kuala, Johor: Suatu Penelitian Dari Aspek Penguasaan ke Atas Modal Kewangan (Sustainable economic life for the Kanaq and Kuala Communities of Johor: A Study on the aspect of control over financial c. *E-Bangi, 12*(2).

Phua, K. L. (2015). The health of Malaysia's "Orang Asli" Peoples: A review of the scientific evidence on nutritional outcome, parasite infestations, and discussion on implications for clinical practice. *Malaysian Journal of Public Health Medicine, 15*(1), 83-90.

Prime Minister's Office of Malaysia. (n.d.). *Dasar-Dasar Malaysia*. Prime Minister's Office of Malaysia. Retrieved September 26, 2024, from https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf

Ramarama. (2020, September 14). *Coway Meneruskan Usaha Pemberian Bantuan Kepada Masyarakat Orang Asli*. RAMARAMA. https://ramarama.my/coway-meneruskan-usaha-pemberian-bantuan-kepada-masyarakat-orang-asli/#:~:text=Usaha%20Coway%20selaras%20dengan%20Matlamat%20Pembangunan%20Kelestarian%20Pertubuhan%20Bangsa-Bangsa%20Bersatu

Ramle Abdullah. (1993). *Semaq beri: Komuniti Orang Asli di Terengganu*. Kolej Agama Sultan Zainal Abidin.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Serji, R. M. (2018). Sistem Torrens Dalam Undang-Undang Tanah Di Malaysia: Sistem Yang Tidak Eksklusif. *ResearchGate*, 9. https://www.researchgate.net/publication/326928666_SISTEM_TORRENS_DALAM_UNDANG-UNDANG_TANAH_DI_MALAYSIA_SISTEM_YANG_TIDAK_EKSKLUSIF#fullTextFileContent

Singh, A. (2019). *Malnutrition and Poverty among the Orang Asli (Indigenous) Children of Malaysia (Submission for UN Special Rapporteur on Extreme Poverty).* https://www.ohchr.org/sites/default/files/IndigenousChildren.pdf#:~:text=The%20poverty%20rate%20for%20Orang%20Asli%20remains%20at%20a%20high

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2010). *Laporan Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli* (p. 124). Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2013/12/Laporan-Status-Hak-Pendidikan-Kanak-Kanak-Orang-Asli-2010.pdf#:~:text=KATA%20PENGHANTAR.%20Penerbitan%20laporan%20STATUS%20HAK%20PENDIDIKAN%20KANAK-KANAK%20ORANG.%20ASLI

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2021). Ringkasan Dialog Mengenai Keperluan dan Cabaran Yang Dihadapi Oleh Masyarakat Orang Asli dan Langkah Seterusnya Dalam Menghadapi Pandemik COVID-19. In *Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia* (p. 5). https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2021/10/Summary-Findings-Indigenous-People-Malay_Final.pdf

Syamil Imran Shamsir, Mashrom Muda, & Zamre Abu Hassan. (2024). Kegiatan Sosioekonomi Orang Asli Seletar di Kampung Bakar Batu, Johor Bahru. *E-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, *21*(3), 391. https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.29

United Nations (2021, March 12). *New Report Details Indigenous Struggle For Land Rights*. UN News. Retrieved from https://news.un.org/en/story/2021/03/1087242

Yap, F., & Wong, K, J. (2022, April 22). Kes tanah Orang Asli Gua Musang: Syarikat balak, lombong dibenar terus operasi. *Malaysiakini*. https://www.malaysiakini.com/news/618832

Yusoff, R. M., Halim, S. A., & Pereira, J. J. (2019). Impak Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) ke Atas Komuniti Orang Asli Jahai di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak. (The Impact of Resettlement Programme on The Jahai Community in Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak). *Asian Journal of Environment, History and Heritage, 3*(1). https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/116

Zalilah, M. S. (2002). Poverty and Household Food Insecurity among Orang Asli in Peninsular Malaysia. *Malaysian Journal of Nutrition, 8*(1), 45-56.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).